KENYATAAN MEDIA
HOSPITAL KUALA LUMPUR

KEJAYAAN PEMBEDAHAN PENYAMBUNGAN SEMULA TANGAN (*HAND REPLANTATION*) DI HOSPITAL KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Hospital Kuala Lumpur ingin memaklumkan perkembangan berhubung inisiden seorang anggota polis yang telah mengalami kecederaan serius pada pergelangan tangan kanan akibat serangan pada 11 November 2026 yang lalu.

Beliau telah dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk mendapatkan rawatan kepakaran. Setelah menjalani pemeriksaan dan penilaian teliti oleh pasukan pakar, beliau telah dibawa segera ke Dewan Bedah Utama bagi menjalani pembedahan penyambungan semula tangan (*hand replantation*).

Pembedahan tersebut telah diketuai oleh Dr Allan Ravi Rajagopal dan Dr Aziz Sabbir Husain, Pakar Subkepakaran Anggota Atas dan Mikrosurgeri HKL, dengan kerjasama seluruh pasukan Unit Anggota Atas dan Mikrosurgeri HKL. Pasukan Anestesiologi juga memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan pesakit sepanjang perjalanan rawatan, khususnya sewaktu perioperatif dalam pembedahan yang mengambil masa yang lama.

Pembedahan selama lapan jam melibatkan prosedur kompleks seperti penggunaan mikroskop pembedahan bagi membolehkan penyambungan semula salur darah dan struktur saraf yang tercedera, selain pemulihan struktur anatomi tangan yang terlibat. Dalam masa yang sama, pasukan Neurosurgeri turut menjalankan prosedur pembersihan luka pembedahan (*wound debridement*) bagi merawat kecederaan di bahagian kepala pesakit.

Kes ini merupakan satu prosedur pembedahan yang amat kompleks, memerlukan kepakaran khusus, kemahiran mikrosurgeri yang tinggi serta kerjasama erat antara pelbagai disiplin kepakaran bagi memastikan rawatan yang menyeluruh dan optimum. Buat masa ini keadaan pesakit dipantau rapi bagi melihat perkembangan lanjut terhadap kemajuan penyambungan semula.

Hospital Kuala Lumpur komited untuk terus memberikan perkhidmatan rawatan kepakaran yang berkualiti tinggi melalui kepakaran multidisiplin, teknologi serta kemahiran profesional demi kesejahteraan masyarakat.

PENGARAH
HOSPITAL KUALA LUMPUR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
13 NOVEMBER 2026